

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

1. Senaraikan bilangan jalan rosak, jalan berlubang, masalah lampu isyarat, masalah lampu jalan dan tanah runtuh di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini.
 - (a) Berapakah peruntukan yang telah digunakan untuk menyelesaikan masalah tersebut mengikut kategori di atas?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Senarai bilangan jalan rosak, jalan berlubang, masalah lampu isyarat, masalah lampu jalan dan tanah runtuh di Pulau Pinang daripada tahun 2020 sehingga kini adalah seperti berikut:

JENIS KES	TAHUN					JUMLAH
	2020	2021	2022	2023	2024	
Jalan rosak	263	288	322	426	170	1,469
Jalan berlubang	511	513	6,017	7,515	6,620	21,176
Lampu isyarat	711	676	976	1,040	974	4,377
Lampu jalan	1,535	1,810	2,210	2,234	1,716	9,505
Tanah runtuh	0	2	0	1	0	3
JUMLAH	3,020	3,289	9,525	11,216	9,480	36,530

- (a) Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut daripada tahun 2020 sehingga kini adalah seperti berikut:

JENIS KES	PERUNTUKAN PEMBAIKAN (RM)
Jalan rosak	123,294,267.75
Jalan berlubang	
Lampu isyarat	24,595,863.66
Lampu jalan	24,821,113.75
Tanah runtuh	7,605,300.69
JUMLAH (RM)	180,316,545.85

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

2. Bagaimanakah Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menyokong badan-badan dakwah dalam mengadakan pengukuhan akhlak dalam kalangan belia terutamanya di Penaga?
- (a) Senaraikan program-program yang telah dijalankan dan jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk aktiviti-aktiviti ini.
- (b) Senaraikan agensi-agensi yang terlibat.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Antara usaha Kerajaan Negeri melalui MAINPP dalam menyokong badan-badan dakwah dalam mengadakan pengukuhan akhlak dalam kalangan belia seluruh Pulau Pinang adalah dengan mengadakan program-program berbentuk keagamaan, kemasyarakatan dan pengimarahkan masjid.
- (a) Antara program-program yang telah dijalankan dan jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk aktiviti-aktiviti ini adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM	JUMLAH (RM)
1.	Multaqa Perpaduan Peringkat Negeri Pulau Pinang	17,294.50
2.	Santai Street Dakwah Belia Madani	8,290.00
3.	Pemeriksaan Mualaf Pulau Pinang dengan kerjasama Hidayah Center Pulau Pinang	10,000.00

BIL.	PROGRAM	JUMLAH (RM)
4.	Street Dakwah ' <i>Share The Love and Mercy of Prophet Muhammad PBUH</i> ' dengan kerjasama International Propagation Society Islamic (IPSI)	10,000.00
5.	Program kerohanian dalam memperkasa wanita bagi Daerah Barat Daya dengan kerjasama PERKIM Wanita Barat Daya	5,800.00
6.	Kem Motivasi Belia Shabab Madani dengan kerjasama Pejabat Agama Daerah SPU Butterworth	15,000.00
7.	Program Dakwah ' <i>Strength in Numbers</i> ' dengan kerjasama Pejabat Agama Daerah Barat Daya	10,000.00
8.	Kursus Pengurusan Jenazah dengan kerjasama Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Tengah	6,000.00
9.	Seminar Pengukuhan Ibadah Solat dengan kerjasama Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Tengah	6,000.00
10.	Program Berkembar Jelajah Pengimaran Masjid Madani dengan kerjasama Pejabat Agama Daerah Timur Laut	15,000.00
11.	Program Jelajah Musafir ke Masjid-masjid di Melaka dan Negeri Sembilan dengan kerjasama Pejabat Agama Daerah SPS	15,000.00
12.	Program Dakwah Orang Asli dengan kerjasama Pejabat Agama Daerah SPU Kepala Batas	15,000.00

BIL.	PROGRAM	JUMLAH (RM)
13.	Pemeriksaan Mualaf Pulau Pinang dengan kerjasama Hidayah Centre Foundation Pulau Pinang	10,000.00
14.	Mualaf Sharing Tours dengan kerjasama Pertubuhan Jaringan Mualaf Malaysia	10,000.00
15.	Konvensyen Hospital Mesra Ibadah dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Hospital Kerajaan di Pulau Pinang	60,000.00
KESELURUHAN		213,384.50

- (b) Antara agensi-agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-
- (i) Pejabat Agama Daerah di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang;
 - (ii) International Propagation Society Islamic (IPSI);
 - (iii) Pertubuhan Jaringan Mualaf Malaysia (PJMM);
 - (iv) Hidayah Centre Foundation Pulau Pinang (HCFPP);
 - (v) PERKIM Wanita Barat Daya;
 - (vi) Universiti Sains Malaysia;
 - (vii) Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Bukit Mertajam;
 - (viii) Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP); dan
 - (xi) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Hospital Kerajaan di Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

3. Senaraikan perancangan tindakan jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang diambil untuk mengurangkan kesesakan kenderaan yang semakin meningkat terutamanya di Pekan Penaga dan Simpang Tiga Pasir Gebu.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Perancangan tindakan jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang diambil untuk mengurangkan kesesakan kenderaan yang semakin meningkat terutamanya di Pekan Penaga dan Simpang Tiga Pasir Gebu adalah seperti berikut:

(a) Jangka masa pendek

- (i) Membuat pelarasan semula tempoh masa lampu isyarat yang terletak di persimpangan Jalan Pasir Gebu dan Jalan Permatang Bendahari bagi menyuraikan trafik di kawasan tersebut; dan
- (ii) Pihak penganjur bagi pasar pagi di Pekan Penaga juga telah diarahkan untuk membuat kawalan lalu lintas bagi mengelakkan peletakan kenderaan yang menghalang lalu lintas.

(b) Jangka masa sederhana

Menaik taraf persimpangan Jalan Penaga dengan Jalan Haji Hashim dan persimpangan Jalan Penaga dengan Jalan Padang Benggali memandangkan *turning radius*, kelebaran jalan dan *storage lane* tidak mencukupi.

(c) Jangka masa panjang

Pihak JKR Pulau Pinang akan mengangkat cadangan projek bagi membina Jalan Luar Bandar (Jambatan dan Jalan Tuju) dari Penaga Bawah Ke Jalan Pasir Gebu di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) di bawah peruntukan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Pihak JKR Pulau Pinang turut dalam proses melaksanakan Kajian Impak Trafik (TIA) di kawasan Pekan Penaga untuk meneliti dan memperhalusi strategi pelan tindakan susulan bagi mendapat penyelesaian terbaik secara menyeluruh untuk menangani isu ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

4. Senaraikan bilangan kemalangan dan kemalangan maut dari Jalan Pekan Penaga ke Kuala Muda (melalui Jalan Permatang Keriang).
- (a) Senaraikan langkah-langkah dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), tiada kemalangan maut dari jalan Pekan Penaga ke Kuala Muda (melalui jalan Permatang Keriang) pada tahun 2024 (Januari hingga Oktober). Kemalangan yang tidak melibatkan kematian adalah sebanyak 10 kes.

Bagi mengurangkan kemalangan yang berlaku di kawasan tersebut, pihak PDRM telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) Operasi secara terancang terutama ke atas penunggang motosikal yang merupakan penyumbang utama kes kemalangan;
- (ii) Kempen kesedaran keselamatan jalan raya kepada pengguna jalan raya; dan
- (iii) Operasi bersepadu PDRM bersama agensi lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang dari semasa ke semasa.

- (a) Pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mencadangkan langkah-langkah berikut untuk mengurangkan kemalangan:
- (i) Mencadangkan pihak PDRM meningkatkan penguatkuasaan undang-undang lalu lintas;
 - (ii) Mencadangkan pihak Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) menganjurkan kempen kesedaran keselamatan jalan raya;
 - (iii) Peningkatan infrastruktur jalan raya oleh pihak MBSP dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang; dan
 - (iv) Bekerjasama dengan pihak sekolah dalam memberi pendidikan keselamatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

5. Jalan di Taman Penambang Muda, Permatang Bendahari dan Jalan Penaga ke Lahar Kepar sering berlaku perlumbaan motor haram. Apakah usaha kerajaan dalam menangani isu ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

5. Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa berusaha memastikan tiada kegiatan aktiviti mat rempit di jalan Taman Penambang Muda, Permatang Bendahari dan jalan Penaga ke Lahar Kepar. Pihak Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Pulau Pinang bersama Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah Seberang Perai Utara akan menjalankan rondaan dan penguatkuasaan secara berkala dalam memastikan pengguna jalan raya mematuhi peraturan undang-undang dan tiada aktiviti mat rempit di kawasan tersebut. Tindakan saman akan dikenakan ke atas pesalah trafik, kenderaan disita di bawah seksyen 64(1) APJ 1987 dan juga tangkapan di bawah seksyen 42 (1) APJ 1987 akan dikenakan ke atas penunggang motosikal yang dikenal pasti melakukan kesalahan menunggang secara melulu dan berbahaya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

6. Senaraikan semua ajaran sesat di Pulau Pinang bagi semua agama terkini.
- (a) Apakah langkah-langkah kerajaan dalam memastikan tidak berlaku penularan agama-agama ini?
 - (b) Senaraikan tindakan-tindakan yang diambil kepada penganut ajaran sesat ini.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Terdapat 13 ajaran sesat yang telah dikenal pasti dan difatwakan sesat di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Ajaran dan Fahaman Perjalanan 21 Laduni Rahmatullah (Ajaran Ismail bin Harun) [Fatwa: 25/09/2003];
 - (ii) Ajaran Azhar bin Wahab [Fatwa: 29 /01/2004];
 - (iii) Pengharaman usaha-usaha menghidupkan semula Arqam melalui Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn Bhd (SRC) dan Rangkaian Syarikat Gabungannya [Fatwa: 01/03/2007];
 - (iv) Ajaran Tok Hussin Janggut/Ilmu Tajali Ahmad Laksamana [Fatwa: 29/04/2010];

- (v) Ajaran Taslim atau Ajaran Haji Ahmad / Muhammad Matahari [Fatwa: 09/12/2010];
 - (vi) Fahaman Syiah [Fatwa: 27/03/2014];
 - (vii) Ajaran Tok Mat Janggut [Fatwa: 21/7/2016];
 - (viii) Isu Tarikat Naqsyabandiah Al-Aliyyah Syeikh Nazim Al-Haqqani [Fatwa: 13/10/2016];
 - (ix) Ajaran Ilmu Syahadah, Zikir Nafas dan lain-lain yang berkaitan dengan kedudukannya oleh Ismail bin Kassim (Perahmat) [Fatwa: 01/02/2018];
 - (x) Ajaran Qadiani / Ahmadiyah [Fatwa: 02/08/2018];
 - (xi) Fatwa Millah Abraham [Oktober 2024];
 - (xii) Fatwa Suhaini Mohammad (Si Hulk) [Ogos 2024]; dan
 - (xiii) Fatwa GISBH [Oktober2024].
- (a) Langkah Kerajaan Negeri bagi membendung penularan aktiviti ajaran sesat berleluasa di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil tindakan berlandaskan undang-undang yang berkuat kuasa; dan
 - (ii) Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) telah menjalinkan hubungan kerjasama strategik dengan agensi seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan sebagainya bagi meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap unsur-unsur yang disyaki sebagai ajaran sesat di Pulau Pinang.

- (b) Tindakan yang diambil kepada penganut ajaran sesat di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Kerajaan Negeri menyediakan Kompleks Darul Hidayah (KDH) Permatang Tok Gelam, Penaga sebagai pusat pemulihan akidah secara sukarela. Program-program di KDH menekankan bimbingan asas agama Islam dan memperkukuhkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ). Ianya berasaskan modul-modul seperti Akidah, Sirah, Ibadah dan Fikah;
 - (ii) Penganut ajaran yang masih kekal mengulangi ajaran sesat akan berhadapan tindakan undang-undang; dan
 - (iii) Kerajaan Negeri bersama agensi dan jabatan yang berkaitan akan menjalankan tinjauan serta tindakan penguatkuasaan yang lebih kerap terhadap penganut ajaran sesat di Pulau Pinang agar tidak mengulangi ajaran sesat yang telah dianuti sebelum ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

7. Senaraikan jawatankuasa terkini Majlis Syura Kerajaan Negeri dan kelulusan setiap ahli jawatankuasa ini.
- (a) Senaraikan fungsi jawatankuasa ini.
 - (b) Senaraikan perkara yang sudah dilakukan oleh jawatankuasa ini.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Senarai jawatankuasa terkini Majlis Syura Kerajaan Negeri dan kelulusan setiap ahli jawatankuasa adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Fungsi Jawatankuasa Majlis Syura Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
 - (i) Memberi maklum balas dan cadangan penambahbaikan program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri berkaitan Pembangunan Islam di Pulau Pinang;
 - (ii) Memberi pandangan, nasihat dan cadangan program-program untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan Islam di Pulau Pinang;
 - (iii) Bertindak sebagai pasukan *think-tank* dan platform percambahan fikiran dengan penglibatan para intelektual Islam dari pelbagai disiplin ilmu yang menjurus ke arah mewujudkan sebuah pentadbiran Kerajaan Negeri yang berkonsepkan *good governance* berlandaskan prinsip pentadbiran Khalifah Umar Abdul Aziz; dan

- (iv) Sebagai penasihat dan pencetus idea dalam memperkasa pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam demi kepentingan umat Islam khususnya di Pulau Pinang.
- (b) Berikutan pelantikan baharu Ahli Majlis Syura Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025 maka tiada sebarang program yang dilaksanakan pada tahun ini. Mesyuarat kali pertama akan dilaksanakan pada Januari 2025.

SENARAIKAN JAWATANKUASA TERKINI MAJLIS SYURA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
1	YBhg. Dato' Haji Kamarudin bin Abdullah	Presiden & Pengasas Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI)	• <i>Diploma Usul Fiqh & Fiqh Studies</i>, Cambridge Islamic College 2021; dan • <i>Advance Diploma In Islamic Studies</i>, Varees University, 2015.
2	YBhg. Datuk Sr. Dr. Muhammad Farid bin Saad	Pengerusi Pertubuhan Badan Pemikir Melayu Pulau Pinang (Pemikir)	• Diploma Ukur Bahan, Institut Teknologi MARA (ITM); • <i>Bachelor of Science (BSc.) Quantity Surveying (CNAA)</i> Robert Gordon's, Institute of Technology, Scotland; • <i>Master of Business Administration (MBA)</i>, Universiti Utara Malaysia (UUM); dan • <i>Doctor of Philosophy (PhD) (Political Science)</i>, Universiti Sains Malaysia (USM).
3	YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Ahmad	Pengarah KKB Sdn.Bhd	• Diploma Kejuruteraan Jentera; • Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal; • Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal; dan • <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i> Kejuruteraan Mekanikal.

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
4	YBhg. Dato' Dr. Mohamed Amir Shah bin Abd. Aziz	Pengarah Perubatan dan Pakar Kanser Senior ICON Sunsuria Sdn. Bhd.	• Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan di University of Leicester, United Kingdom; • <i>Fellow Royal College of Radiologists</i>, London; dan • <i>Fellow College of Surgeons, Faculty of Radiologists</i>, Ireland.
5	YBhg. Dr. Haji Joohari bin Ariffin	Mantan Pengarah Institut Aminuddin Baki (IAB) Cawangan Utara, Jitra, Kedah	• Ijazah Sarjana Muda (Pengkhususan Dalam Ekonomi Dan Pengajian Islam), Universiti Malaya Kuala Lumpur (1987); • Ijazah Sarjana (Pengkhususan Kepengetuaan) Institut Kepengetuaan, Universiti Malaya (2004); dan • <i>Doctor of Philosophy</i> (PhD) Pengkhususan Dalam Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (2014).
6	YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Khairie bin Ahmad	Dekan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia & Komunikasi, Universiti Utara Malaysia	• Ijazah Sarjana Muda Bidang Pentadbiran Awam, Universiti Utara Malaysia (UUM) • Ijazah Sarjana Bidang Sastera Komunikasi, Universiti Sains Malaysia (USM) • <i>Doctor of Philosophy</i> (PhD) Bidang Komunikasi, University of Queensland, Australia

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
7	YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Fauzan bin Noordin	Professor Kulliyyah of Information & Communication Technology (KICT) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	• <i>Bachelor in Computer Science</i>, University of Missouri; • <i>Master of Business Administration</i>, Central Missouri State University; dan • <i>Doctor of Philosophy (PhD) in Information Technology</i>, University of Wales.

**MESYUARAT KEDUA PENGKAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

8. Senaraikan projek-projek dan status Indah Water Konsortium (IWK) di Pulau Pinang.
- (a) Apakah sebab utama projek masih tertangguh?
- (b) Apakah usaha kerajaan dalam menyegerakan projek-projek yang tertangguh ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Senarai status projek pembetulan di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK	PELAKSANA	CATATAN
1	Loji Rawatan Kumbahan Serantau dan Rangkaian Paip Pembetulan Bayan Baru Fasa 2	Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP)	Dalam pelaksanaan (Jangka siap - Jun 2026)
2	Penaiktarafan Loji Rawatan Kumbahan dan Pembinaan Rangkaian Paip Pembetulan di Mak Mandin	Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP)	Dalam pelaksanaan (Jangka siap - Jun 2029)
3	Cadangan Perlaksanaan Mini-Rasionalisasi Di SPI576 (Taman Sejati) dan SPI514 (Taman Bayu Mutiara) ke Loji Rawatan Kumbahan Serantau Bukit Mertajam (SPI507)	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)	Dalam pelaksanaan (Jangka siap - November 2025)

BIL	NAMA PROJEK	PELAKSANA	CATATAN
4	Cadangan Kerja-Kerja Modifikasi Paip Pembetulan di SMK Teknik Jalan Ibbetson, Air Hitam	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)	Dalam proses tender (Jangka siap - Julai 2026)

- (a) Berlakunya penangguhan projek adalah disebabkan beberapa halangan yang tidak dapat dielakkan ketika pembinaan di tapak seperti kejadian pandemik Covid-19 yang menyebabkan kekurangan tenaga buruh/bekalan, penemuan batuan/kabel luar jangka yang memerlukan penelitian semula pelan serta keadaan cuaca yang tidak menentu.
- (b) Mesyuarat dan koordinasi projek yang tertangguh telah dilaksanakan untuk menilai semula kos projek dan bahan binaan yang menyebabkan kelewatan projek. Ini termasuk perbincangan dengan Kementerian dan Agensi Pusat bagi mendapatkan penyelesaian yang optimum bagi projek-projek terbabit.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

9. Senaraikan bilangan tangkapan ke atas masyarakat Islam yang tidak menunaikan solat Jumaat di Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan Akta yang berkaitan yang melibatkan tangkapan ini dan apakah yang dilakukan oleh Kerajaan kepada mereka?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan dalam memastikan lelaki yang beragama Islam di negeri ini menunaikan solat Jumaat?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) memaklumkan sehingga kini **tiada aduan dan tangkapan** berkaitan masyarakat Islam yang tidak menunaikan solat Jumaat di Pulau Pinang bagi tahun 2024.
- (a) Kerajaan memandang berat terhadap pengabaian tanggungjawab sesetengah masyarakat Islam terhadap kewajipan solat Jumaat.

Seksyen 14 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 memperuntukkan bahawa "***Mana-mana orang lelaki, yang baligh, yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat di masjid di dalam kariahnya tiga kali berturut-turut tanpa uzur syarie atau tanpa sebab yang munasabah*** adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau

dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-keduanya.”

Sekyen 14 mencadangkan dan peruntukan kuasa untuk mensabitkan kesalahan bagi seseorang *muslim* lelaki *baligh* yang tidak menunaikan solat Jumaat selama tiga (3) kali berturut-turut tanpa uzur atau tanpa sebab yang munasabah di dalam Negeri Pulau Pinang.

Sehingga Oktober 2024, tiada kes tangkapan atau pertuduhan yang dibuat dalam Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang berkaitan kesalahan tidak menunaikan solat Jumaat kerana tiada aduan yang diterima oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang, melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), telah melaksanakan beberapa usaha dan langkah untuk memastikan umat Islam, khususnya lelaki, menunaikan solat Jumaat. Beberapa usaha yang diambil adalah seperti berikut:
 - (i) Penguatkuasaan Undang-undang iaitu dengan mengambil tindakan menangkap dan saman terhadap lelaki Muslim yang gagal menunaikan solat Jumaat tanpa alasan yang sah. JHEAIPP secara berkala akan melakukan Operasi Penguatkuasaan, termasuk melakukan pemeriksaan di kawasan-kawasan awam seperti restoran, kedai, dan kawasan lain pada waktu solat Jumaat. Mereka yang didapati sengaja mengabaikan kewajipan solat ini akan dikenakan tindakan, termasuk tangkapan dan saman. Individu yang gagal menunaikan solat Jumaat juga boleh dikenakan denda yang ditetapkan oleh Mahkamah Syariah. Denda ini boleh mencecah jumlah yang agak tinggi, bergantung kepada keseriusan kesalahan dan peruntukan undang-undang;
 - (ii) Melaksanakan kempen kesedaran untuk mendidik masyarakat Islam tentang kepentingan solat Jumaat dan akibat jika mengabaikan kewajipan ini. Kempen ini biasanya dijalankan melalui ceramah, forum, dan kempen media sosial yang menekankan bahawa solat Jumaat adalah salah satu kewajipan yang sangat ditekankan dalam Islam. Selain itu, banyak masjid di Pulau Pinang

diminta mengadakan program dan ceramah untuk meningkatkan kesedaran tentang kewajipan solat Jumaat;

- (iii) Menggunakan sistem pemantauan untuk memastikan masjid dan surau sentiasa menyediakan tempat yang sesuai bagi jemaah menunaikan solat Jumaat. Ini termasuklah memastikan solat Jumaat dijalankan dengan lancar, selamat dan tidak ada sebarang gangguan yang boleh menyebabkan umat Islam terlepas dari menunaikan kewajipan tersebut;
- (iv) Bagi pekerja yang bekerja di sektor awam atau swasta, majikan juga digalakkan untuk memberi kelonggaran masa bagi pekerja Islam menunaikan solat Jumaat. Dalam beberapa kes, majikan yang tidak mematuhi arahan ini boleh dikenakan tindakan oleh Pihak Berkuasa;
- (v) Kerajaan Negeri turut mengambil langkah untuk memastikan kemudahan dan akses ke masjid adalah mudah dan selesa bagi para jemaah. Ini termasuk memperbaiki atau membina masjid baru di kawasan-kawasan yang kurang aksesibiliti kepada umat Islam, serta memastikan masjid dilengkapi dengan kemudahan asas seperti tempat letak kereta dan ruang solat yang mencukupi;
- (vi) Bekerjasama dengan pihak swasta untuk memastikan pekerja Islam diberi kelonggaran masa untuk menunaikan solat Jumaat. Sebagai contoh, beberapa syarikat swasta dan Agensi Kerajaan telah disarankan untuk memberi waktu rehat bagi pekerja Islam pada waktu Jumaat untuk memudahkan mereka menunaikan solat; dan
- (vii) Pengawalan Aktiviti Perniagaan dengan penguatkuasaan dilaksanakan untuk mengelakkan aktiviti perniagaan atau hiburan yang mengganggu umat Islam daripada menunaikan solat Jumaat. Sebagai contoh, operasi pemantauan akan dilakukan bagi memastikan premis perniagaan atau tempat hiburan yang beroperasi pada waktu solat Jumaat tidak mengganggu umat Islam daripada menunaikan solat mereka.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

10. Senaraikan bilangan dan lokasi penyalahgunaan meter air dan kecurian air di Pulau Pinang.

(a) Apakah usaha kerajaan dalam membendung masalah ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Pihak PBAPP telah mengenal pasti rekod melalui sistem iRMS terdapat sebanyak 679 kes kecurian air dilaporkan termasuk penyalahgunaan meter bagi tempoh Januari sehingga September 2024 untuk seluruh daerah di Pulau Pinang. Lokasi kes yang terlibat mengikut daerah adalah seperti di bawah:

Bulan	Pulau Pinang		Seberang Perai			Jumlah
	DBD	DTL	SPS	SPT	SPU	
Jan	11	7	26	10	13	67
Feb	9	6	15	9	23	62
Mac	16	15	1	8	26	66
Apr	6	8	16	9	41	80
Mei	6	12	7	29	36	90
Jun	10	5	15	4	22	56
Jul	8	15	24	8	32	87
Ogos	10	10	12	12	42	86
Sep	4	11	32	6	32	85
Jumlah	80	89	148	95	267	679

Sumber : Bilangan laporan (SR) sistem iRMS.

- (a) Kerajaan Negeri melalui PBAPP akan bekerjasama dengan SPAN yang merupakan badan pengawalseliaan kebangsaan bagi industri air dan pembentungan di Semenanjung Malaysia dan Labuan yang akan bertindak untuk melaksanakan penguatkuasaan di bawah peruntukan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655). SPAN juga giat melaksanakan penguatkuasaan ke premis atau lokasi untuk memeriksa kes-kes pencurian meter dan penyambungan paip secara haram dan sekiranya mana-mana orang melakukan kesalahan tersebut boleh dikenakan denda atau dipenjarakan mengikut seksyen kesalahan di bawah Akta 655. Orang awam juga boleh melaporkan sebarang kes disyaki melakukan kesalahan berkaitan perkhidmatan air seperti mencuri bekalan atau perbuatan mencemar sumber air kepada SPAN melalui saluran WhatsApp di talian 013-388 5000 atau e-mel ke aduan@span.gov.my.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

11. Senaraikan bilangan pensijilan halal yang dikeluarkan kepada premis di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Senaraikan premis-premis bukan Islam dan lokasi yang menerima pensijilan halal ini.
 - (b) Apakah tindakan Kerajaan kepada mereka yang menyalahgunakan logo halal ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Bilangan pensijilan Halal Malaysia yang dikeluarkan kepada syarikat di Pulau Pinang daripada tahun 2020 sehingga Oktober 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Syarikat bukan Islam yang memegang pensijilan Halal Malaysia di Pulau Pinang (sijil aktif) adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
 - (b) Individu atau syarikat yang menyalahgunakan logo halal Malaysia boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 29, Akta Perihal Dagangan (APD) [Perakuan dan Penandaan Halal] 2011. Tindakan penguatkuasaan akan dibuat oleh Pegawai Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Berikut adalah tindakan yang akan dikenakan kepada sesiapa yang melakukan kesalahan di bawah APD 2011:

- (i) Pertubuhan atau Perbadanan: Tidak melebihi RM200,000.00 (200 ribu), bagi kesalahan kedua dan berikutnya sebanyak RM500,000.00 (500 ribu); dan
- (ii) Bukan Pertubuhan atau Perbadanan: Tidak melebihi RM100,000.00 (100 ribu) atau penjara tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya RM250,000.00 (250 ribu) atau penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.

LAMPIRAN A**BILANGAN PENSIJILAN HALAL MALAYSIA YANG DIKELUARKAN KEPADA
SYARIKAT DI NEGERI PULAU PINANG**

TAHUN/ SKIM	2020	2021	2022	2023	2024
PRODUK MAKANAN	830	931	1070	1118	1061
BAHAN GUNAAN	29	41	58	51	48
PREMIS MAKANAN	130	118	152	161	150
HOTEL	31	12	32	49	40
RUMAH SEMBELIHAN	18	15	13	11	18
FARMASEUTIKAL	39	46	70	63	55
KOSMETIK	111	119	151	152	136
LOGISTIK	60	61	67	57	55
OEM	79	92	118	201	239
PERANTI PERUBATAN	-	-	-	-	3
JUMLAH	1,327	1,435	1,731	1,863	1,805

**SYARIKAT BUKAN ISLAM YANG MEMEGANG PENSIJILAN HALAL MALAYSIA
DI PULAU PINANG (SIJIL AKTIF)**

SKIM PENSIJILAN	BILANGAN SYARIKAT
PRODUK MAKANAN	772
BAHAN GUNAAN	23
PREMIS MAKANAN	102
RUMAH SEMBELIHAN	8
FARMASEUTIKAL	47
KOSMETIK	41
LOGISTIK	12
OEM	100
PERANTI PERUBATAN	3
JUMLAH	1108

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

12. Senaraikan masjid-masjid biasa dan surau-surau dan lokasi yang dibenarkan untuk melakukan solat Jumaat di negeri ini.
- (a) Apakah syarat yang membolehkan permohonan dan dilakukan solat Jumaat oleh masjid dan surau ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Sebagai makluman, masjid-masjid di Negeri Pulau Pinang mempunyai 2 kategori iaitu masjid kariah dan masjid ghairu jamik. 214 daripada 215 buah masjid kariah dan 3 daripada 14 buah masjid ghairu jamik adalah masjid yang melaksanakan solat Jumaat. Manakala 21 buah surau telah mendapat kebenaran melalui Jawatankuasa Fatwa bagi menunaikan solat Jumaat. Perincian adalah seperti **LAMPIRAN A**.
- (a) Tiada syarat yang khusus bagi permohonan solat Jumaat di masjid atau surau. Walau bagaimanapun, jawatankuasa kariah/surau/institusi hendaklah mengemukakan permohonan kepada jabatan melalui Pejabat Agama Daerah masing-masing. Pegawai Tadbir Agama Daerah akan menjalankan siasatan di lokasi, status tapak dan bangunan yang ingin melaksanakan solat.

Pejabat Agama Daerah juga akan mengkaji kemungkinan ada halangan yang akan timbul dan akan mengadakan mesyuarat dengan pihak pemohon, Pengerusi Kariah, Bahagian

Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Mufti, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain agensi jika perlu.

Setelah dipersetujui, Pegawai Tadbir Agama Daerah akan mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang untuk memperolehi kelulusan dari sudut hukum dan seterusnya mendapatkan kelulusan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Senarai masjid, surau serta lokasi yang dibenarkan untuk Solat Jumaat

BIL	MASJID	DAERAH
1	Masjid Daerah Barat Daya	Barat Daya
2	Masjid Titi Teras	
3	Masjid Telok Tempoyak	
4	Masjid Teluk Maqbul Teluk Kumbar	
5	Masjid Sungai Tiram	
6	Masjid Telok Bahang	
7	Masjid Sungai Rusa	
8	Masjid Sungai Pinang	
9	Masjid Sungai Burung	
10	Masjid Ridzwaniah Sungai Batu	
11	Masjid Al-Huda	
12	Masjid Simpang Empat Kg. Paya	
13	Masjid Pulau Betong	
14	Masjid Pondok Upeh	
15	Masjid Permatang Pasir	
16	Masjid Al-Qahhar Permatang Damar Laut	
17	Masjid Kongsi	
18	Masjid Kampung Terang	
19	Masjid Kampung Seronok	
20	Masjid Kampung Perlis	
21	Masjid Kampung Genting	
22	Masjid Kampung Binjai	
23	Masjid Al-Hidayah Bayan Lepas	
24	Masjid Umar Abdul Aziz Batu Maung	
25	Masjid Umar Ibnu Al-Khattab	
26	Masjid Bagan Air Hitam	
27	Masjid Negeri Pulau Pinang	Timur Laut
28	Masjid Daerah Timur Laut	
29	Masjid Aceh	
30	Masjid Al-Malik Khalid	
31	Masjid Al-Qadrie	
32	Masjid Alimsah Waley	
33	Masjid Ar-Rahman, Batu Feringghi	
34	Masjid At-Taqwa, Taman Brown	
35	Masjid Bagan Jermal	

LAMPIRAN A

BIL	MASJID	DAERAH
36	Masjid Batu Uban	Timur Laut
37	Masjid Benggali	
38	Masjid Haji Kassim	
39	Masjid Hashim Yahaya	
40	Masjid Jalan Hatin	
41	Masjid Jelutong	
42	Masjid Kampung Baru	
43	Masjid Kapitan Keling	
44	Masjid Karwa	
45	Masjid Al-Munawwar Kelawai	
46	Masjid Melayu	
47	Masjid Paya Terubong	
48	Masjid Prangin	
49	Masjid Rawana	
50	Masjid Sheikh Eusoff	
51	Masjid Jamek Haji Wahab Simpang Enam	
52	Masjid Sungai Gelugor	
53	Masjid Sungai Nibong Besar	
54	Masjid Al-Ittifaq Sungai Nibong Kecil	
55	Masjid Sungai Pinang	
56	Masjid Titi Papan	
57	Masjid Tuan Guru	
58	Masjid Kampung Rawa	
59	Masjid Bandar Baru Air Itam	
60	Masjid Al-Jami' Al-Soghir	
61	Masjid Albukhary	
62	Masjid al Marjan	
63	Masjid Abdullah Fahim	Seberang Perai Utara (Kepala Batas)
64	Masjid Bakar Kapor	
65	Masjid Bakau Tua	
66	Masjid Bumbung Lima	
67	Masjid Kampung Banggol	
68	Masjid Kampung Lembah	
69	Masjid Kampung Padang	
70	Masjid Kampung Selamat	

LAMPIRAN A

BIL	MASJID	DAERAH
71	Masjid As-Salam Kampung Tok Bedu	Seberang Perai Utara (Kepala Batas)
72	Masjid Al-Jamiul Badawi	
73	Masjid Kota Aur	
74	Masjid Kampung Baru	
75	Masjid Kuala Muda	
76	Masjid Kubang Menerong	
77	Masjid Lahar Kepar	
78	Masjid Lahar Minyak	
79	Masjid Lahar Tambun	
80	Masjid Lahar Tabut	
81	Masjid Lahar Tiang	
82	Masjid Padang Benggali	
83	Masjid Jamiul Jalal Wal Kamal, Pajak Song	
84	Masjid Pantai Kamloon	
85	Masjid Paya Keladi	
86	Masjid Dato' Sheikh Adnan	
87	Masjid Permatang Bendahari	
88	Masjid Permatang Bogak	
89	Masjid Permatang Haji Hassan	
90	Masjid Permatang Janggus	
91	Masjid Permatang Keriang	
92	Masjid Permatang Kuang	
93	Masjid Permatang Rambai	
94	Masjid Permatang Tinggi A	
95	Masjid Permatang Tok Labu	
96	Masjid Pinang Tunggal	
97	Masjid Jamiul Shariff Pokok Machang	
98	Masjid Pokok Tampang (Al-Islah)	
99	Masjid Pongsu Seribu	
100	Masjid Pulau Mertajam	
101	Masjid Rantau Panjang	
102	Masjid Sungai Kedak	
103	Masjid Tasek Gelugor	
104	Masjid Permatang Sintok	

LAMPIRAN A

BIL	MASJID	DAERAH
105	Masjid At-Taqwa, Taman Bertam Indah	Seberang Perai Utara (Kepala Batas)
106	Masjid Simpang Tiga Tasek Gelugor	
107	Masjid Ibadur Rahman	
108	Masjid Bertam Putra	
109	Masjid Daerah Seberang Perai Utara	Seberang Perai Utara (Butterworth)
110	Masjid Alor Merah	
111	Masjid Ara Kuda	
112	Masjid Bagan Ajam	
113	Masjid Bagan Belat	
114	Masjid Bagan Dalam	
115	Masjid Bagan Jermal	
116	Masjid Bagan Lebai Tahir	
117	Masjid Bagan Tuan Kecil (Abdul Kadir)	
118	Masjid Haji Abdul Rashid (Sungai Dua)	
119	Masjid Jarak Atas	
120	Masjid Kubang Buaya	
121	Masjid Lahar Yooi	
122	Masjid Mak Mandin	
123	Masjid Al-Marbawi Merbau Kudung	
124	Masjid Nyiur Sebatang	
125	Masjid Padang Menora	
126	Masjid Pekan Darat	
127	Masjid Permatang Binjai	
128	Masjid Permatang Sungai Dua (Tuan Samad)	
129	Masjid Permatang Tok Gelam	
130	Masjid Permatang Tok Jaya	
131	Masjid Simpang Empat Permatang Buloh	
132	Masjid Sungai Dua Pekan (Al-Amin)	
133	Masjid Sungai Lokan	
134	Masjid Sungai Puyu	
135	Masjid Telaga Air	
136	Masjid Teluk Air Tawar	
137	Masjid Padang Chempedak	

BIL	MASJID	DAERAH
138	Masjid Daerah Seberang Perai Tengah	Seberang Perai Tengah
139	Masjid Al-Mustaqim (Sekolah Sains)	
140	Masjid Alma	
141	Masjid Bagan Nyiur Juru	
142	Masjid Balik Bukit	
143	Masjid Bukit Indera Muda	
144	Masjid Bukit Minyak Dalam (Lebai Hashim)	
145	Masjid Bukit Minyak Tepi Jalan (Tuan Haji Mohd Desa)	
146	Masjid Bukit The	
147	Masjid Jamek An-Nur Guar Perahu	
148	Masjid Haji Saad, Tanah Liat	
149	Masjid Permatang Nibong	
150	Masjid Jalan Baharu Perai	
151	Masjid Kampung Baharu Alma	
152	Masjid Kampung Pelet	
153	Masjid Batu Kampung Pertama	
154	Masjid Papan Kampung Pertama	
155	Masjid Kampung Sekolah Juru	
156	Masjid Kampung Setol	
157	Masjid Kebun Sireh	
158	Masjid Kuala Juru	
159	Masjid Kuala Mengkuang	
160	Masjid Kuala Tasek	
161	Masjid Kubang Ulu	
162	Masjid Kubang Semang	
163	Masjid Machang Bubuk	
164	Masjid Mengkuang Sungai Lembu	
165	Masjid Padang Ibu	
166	Masjid Padang Lalang	
167	Masjid Perai	
168	Masjid Permatang Batu	
169	asjid Permatang Janggus	
170	Masjid Permatang Pauh	
171	Masjid Permatang Pasir	
172	Masjid Sama Gagah	

BIL	MASJID	DAERAH
173	Masjid Jamek Seberang Jaya	Seberang Perai Tengah
174	Masjid Sungai Rambai	
175	Masjid Abu Bakar As-Siddiq, Taman Guar Perahu	
176	Masjid Tasek Junjung	
177	Masjid Tengah, Berapit	
178	Masjid Timah	
179	Masjid To'kun Atas	
180	Masjid To'kun Bawah	
181	Masjid Tuan Abdullah, Tanah Liat	
182	Masjid Sembilang	
183	Masjid Pengkalan Tambang	
184	Masjid Jamek Alma Jaya	
185	Masjid Permatang Tinggi	
186	Masjid Taman Pelangi	
187	Masjid Mengkuang Titi	
188	Masjid Daerah Seberang Perai Selatan	Seberang Perai Selatan
189	Masjid Batu 3	
190	Masjid Bukit Tambun	
191	Masjid Changkat	
192	Masjid Kampung Batu Kawan	
193	Masjid Kampung Besar	
194	Masjid As-Solihin, Kepala Gajah	
195	Masjid Jamek Nibong Tebal	
196	Masjid Padang Lalang	
197	Masjid Al-Islah, Permatang Tok Mahat	
198	Masjid Pulau Aman	
199	Masjid Simpang Tiga	
200	Masjid Al-Ihsaniah	
201	Masjid Sungai Acheh	
201	Masjid Baru Sungai Bakap	
202	Masjid Lama Sungai Bakap	
203	Masjid Sungai Bakau	
204	Masjid Sungai Chenaam	
205	Masjid Sungai Duri	
206	Masjid Sungai Kechil	

LAMPIRAN A

BIL	MASJID	DAERAH
207	Masjid Al-Fatah, Sungai Setar Besar	Seberang Perai Selatan
208	Masjid Tasek Chempedak	
209	Masjid An-Nur, Jalan Teluk Ipil	
210	Masjid Nurul Iman, Jalan Bukit Panchor	
211	Masjid Seri Ampangan	
212	Masjid Abu Ubaidah Al-Jarrah	
213	Masjid Bandar Cassia	
214	Masjid Taman Halaman Indah	
MASJID GHAIRU JAMEK		
1	Masjid Pakistan	(Timur Laut)
2	Masjid Lama Jamek Lorong Burma	
3	Masjid Jalan York	
SURAU JUMAAT		
1	Maktab Rendah Sains MARA Kepala Batas	Seberang Perai Utara (Kepala Batas)
2	Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas	
3	Surau Kolej Matrikulasi, Pongsu Seribu	Seberang Perai Tengah
4	Surau As-Syifa' Pusat Pemulihan (Puspen) Kampung Selamat	
5	Pusat Islam Universiti Teknologi Mara (Uitm),	
6	Politeknik Seberang Perai, Permatang Pauh	
7	Surau Al-Amin, Kolej Vokasional Bukit Minyak	
8	Institut Latihan Perindustrian Perai	
9	Surau Al-Ghazali, Pusat Islam, Institut Perguruan Tuanku Bainun	
10	Institut Kemahiran Belia Negara, Bukit Mertajam	
11	Pusat Pemulihan Cure And Care SPT	
12	Surau Sultan Muhammad Al-Fateh, Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar	Seberang Perai Utara (Butterworth)

LAMPIRAN A

BIL	MASJID	DAERAH
13	Pangkalan Udara Butterworth	
14	Surau Terapung Penang Port, Butterworth	
15	Markas Pasukan Gerakan Marin Polis Diraja Malaysia Wilayah (1) Batu Uban	Timur Laut
16	Surau Taman Seri Damai, Jelutong	
17	Surau Al-Muttaqin Lilitan Sungai Ara,	Barat Daya
18	Surau Al-Mumtazin, Markas 2 Divisyen, Kem Tun Razak	
19	Surau Al Ubudiah Barat Daya, Kariah Bukit Gedung	
20	Perda Tech, Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan	
21	Kompleks Penjara Seberang Perai, Jln Kerian Kedah,14200 Sungai Jawi, Sps	Seberang Perai Selatan

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

13. Senaraikan bilangan tangkapan pasangan khalwat di negeri ini dari tahun 2022 sehingga kini.
- (a) Senaraikan tempat-tempat *hotspot* pasangan berkhalwat di negeri ini.
 - (b) Senaraikan garis panduan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan tindakan yang boleh dilakukan oleh masyarakat dalam menangani masalah ini.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Statistik jumlah tangkapan bagi kes khalwat (Seksyen 27) sehingga kini adalah seperti berikut:

Tahun	2022	2023	2024 (Sehingga Oktober)
Bilangan	312	113	291

- (a) Berdasarkan kepada pengalaman dan pengamatan operasi Seksyen 27 yang telah dilaksanakan terdapat *hotspot* yang telah dikenal pasti oleh Bahagian Penguatkuasaan seperti berikut:
 - (i) Hotel bajet;
 - (ii) Rumah tumpangan;
 - (iii) Rumah urut; dan

(iv) Kediaman individu.

Sekiranya masyarakat awam mempunyai maklumat yang tepat dan jelas atau mengetahui unsur-unsur yang berkaitan kesalahan khalwat di bawah Seksyen 27, mereka boleh menyalurkan maklumat tersebut kepada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) melalui talian *Hotline* 013-4419300 atau 019-4256917.

(b) Merujuk kepada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 Seksyen 27 menjelaskan:

“Mana-mana –

- (i) Orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya; atau
- (ii) Orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya,

Di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun”

Di samping itu, tindakan yang boleh diambil oleh masyarakat dalam menangani isu ini adalah seperti berikut:

- (i) Masyarakat boleh bekerja sama dengan pihak berkuasa untuk memantau tempat-tempat awam dan kawasan yang berisiko tinggi berlakunya khalwat seperti hotel bajet, motel, taman rekreasi atau kedai yang menyediakan bilik sewa. Aktiviti pengawasan ini boleh dijalankan dengan cara yang berhemah dan penuh hormat dengan mengutamakan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Agama dan Pihak Berkuasa Tempatan;
- (ii) Majlis perwakilan kampung atau ketua masyarakat juga boleh mengambil peranan dalam memantau

perbuatan khalwat di kawasan masing-masing. Sekiranya terdapat kes-kes yang disyaki, penduduk boleh melaporkannya kepada pihak berkuasa dengan cara yang betul dan bertanggungjawab;

- (iii) Masyarakat boleh memperkukuhkan usaha mendidik generasi muda untuk memahami batas-batas pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram, serta pentingnya menjaga kehormatan diri bermula dari keluarga masing-masing;
- (iv) Masyarakat boleh menggalakkan pergaulan yang sihat dan beradab antara lelaki dan perempuan, dengan memberi penekanan kepada konsep akhlak Islam dalam berinteraksi. Program berbentuk bengkel atau forum yang mengupas tentang adab pergaulan dalam Islam dapat membantu individu menghindari situasi yang boleh menimbulkan fitnah;
- (v) Masyarakat boleh bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Agama, seperti JHEAIPP, dalam usaha menguatkuasakan undang-undang berkenaan khalwat. Ini boleh dilakukan dengan melaporkan kegiatan yang mencurigakan dan memberi sokongan kepada operasi penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa; dan
- (vi) Masyarakat Islam digalakkan untuk saling mengingatkan dalam kebaikan dan mencegah kemungkaran, termasuk dalam soal khalwat. Melalui pendekatan yang penuh kasih sayang dan hikmah, individu boleh menegur pasangan yang terlibat dalam khalwat atau yang menunjukkan tanda-tanda perbuatan tersebut, dengan cara yang tidak menyinggung perasaan tetapi tegas dalam mengingatkan tentang kewajipan agama.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

14. Senaraikan bilangan kes kebocoran air mengikut DUN dari tahun 2022 sehingga kini.

(a) Apakah punca berlaku masalah kebocoran ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. PBAPP tidak mempunyai bilangan kes kebocoran mengikut DUN namun rekod yang dikemukakan oleh pihak PBAPP menerusi sistem iRMS adalah mengikut daerah. Berikut adalah senarai bilangan kes kebocoran yang terlibat mengikut daerah dari tahun 2022 sehingga September 2024 :

Tahun/ Daerah	Timur Laut	Barat Daya	Seberang Perai Utara	Seberang Perai Tengah	Seberang Perai Selatan
2022	5853	5300	9511	7974	5105
2023	5724	5882	8355	7578	5130
2024 (Jan - Sep)	3932	4736	6673	5652	4351

Sumber: Sistem, iRMS

(a) PBAPP telah mengenal pasti punca-punca utama berlaku masalah kebocoran paip adalah disebabkan oleh paip usang yang melepasi jangka hayat paip serta jenis paip simen asbestos dan besi galvanis yang memerlukan penggantian paip yang baru.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

15. Senaraikan jumlah wang zakat yang telah digunakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Senaraikan kegunaan wang zakat ini.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Berdasarkan rekod Zakat Pulau Pinang, jumlah wang zakat yang telah diperuntukkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang adalah berjumlah RM42,391,533.90.

Senarai kegunaan wang zakat adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

TAJUK DAN BUTIR-BUTIR	2020	2021	2022	2023	2024 (31 OKT)	JUMLAH (RM)
Sumbangan Kepada Maahad Al-Mashoor	420,000.00	350,000.00	-	350,000.00	350,000.00	1,470,000.00
Emolumen Kakitangan MAINPP	3,000,000.00	3,000,000.00	3,500,000.00	3,500,000.00	4,000,000.00	17,000,000.00
Program-Program Jawatankuasa MAINPP	44,030.00	141,792.30	252,321.00	187,490.20	118,266.20	743,899.70
Pentadbiran dan Pengurusan MAINPP	1,000,000.00	1,000,000.00	500,000.00	1,000,000.00	1,000,000.00	4,500,000.00
Sumbangan kepada Wakaf Pulau Pinang					1,000,000.00	1,000,000.00
Pinjaman Pembelian Tanah MAINPP			11,348,234.20	6,329,400.00		17,677,634.20
JUMLAH (RM)	4,464,030.00	4,491,792.30	15,600,555.20	11,366,890.20	6,468,266.20	42,391,533.90

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

16. Senaraikan luas tanah wakaf, jenis wakaf dan penerima manfaat wakaf mengikut daerah di Pulau Pinang.
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam menambah lagi tanah wakaf di negeri ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Luas tanah wakaf, jenis wakaf dan penerima manfaat wakaf mengikut daerah di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Usaha Kerajaan Negeri dalam menambah lagi tanah wakaf di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
BANTUAN KEPADA ORANG YANG KESUSAHAN BERAT	10,670.30
BANTUAN PERMULAAN KE IPT (LUAR NEGARA)	159,000.00
SUMBANGAN PAKAIAN / BEG PELAJAR LUAR NEGARA	3,575.00
TAMBANG MENUNAikan HAJI	45,000.00
SAGUHATI GURU QURAN SUKARELA	5,600.00
SAGUHATI PENGURUSAN JENAZAH TAK BERWARIS	552,600.00
ELAUN GURU AGAMA JHAEIPP	10,000.00
SAGUHATI IMAM TAHFIZ - SOLAT TARAWIKH	416,000.00
KHUTBAH	118,804.05
EHYA RAMADHAN & AIDIL FITRI	70,000.00
EMOLUMEN KAKITANGAN MAINPP	4,000,000.00
SUMBANGAN BERKANUN SMAI	300,000.00
SUMBANGAN KEPADA SMAI	1,500,000.00
PEMBIAYAAN PEPERIKSAAN MAINPP	75,000.00
SUMBANGAN KEPADA MAAHAD AL-MASHOOR	350,000.00
SUMBANGAN KEPADA KITAB	5,800,000.00
BANTUAN PENAMBAHAN MODAL/PERALATAN PERNIAGAAN	591,549.00
KURSUS PERSEDIAAN USAHAWAN ASNAF	119,948.80
TAJAAN BOOTH KEUSAHAWANAN-KARNIVAL	21,700.00
RETREAT MASIH ADA YANG SAYANG (LGBT & REMAJA)	45,090.00

LAMPIRAN B

SKIM/BANTUAN AGIHAN ZAKAT	JUMLAH
PENGAJAR KELAS PUSAT SERENTI	30,000.00
SARAHIDUP-KEWANGAN BULANAN	7,634,800.00
SARAHIDUP-KEWANGAN BULANAN (PERUBATAN)	428,850.00
BANTUAN SEWA RUMAH - SEWA	598,424.60
PENINGKATAN TARAF HIDUP - DEPOSIT	37,880.00
PENINGKATAN TARAF HIDUP - SEWA PERUMAHAN WAKAF	22,600.00
BANTUAN PAKAIAN SERAGAM - SUMBANGAN	2,683,082.36
KURSUS/ MOTIVASI - PDCA	865,611.04
KURSUS/ MOTIVASI - BENGKEL PEPERIKSAAN	604,625.34
PROGRAM ASNAF - PENGHUNI PERUMAHAN ASNAF - SG. NIBONG	100,700.00
PREP CLASS - RENOVATION	19,896.00
PREP CLASS - BAYARAN PENGURUSAN	87,385.50
PREP CLASS - PENYELENGGARAAN & UTILITI	8,303.45
BANTUAN TAJAAN PELAJAR DI - TWI	38,500.00
BANTUAN TAJAAN PELAJAR DI - AKADEMI BINAAN MALAYSIA	1,740.00
BANTUAN TAJAAN PELAJAR DI - KULIM ADVANCE TECHNOLOGY	30,099.00
BANTUAN TAJAAN PELAJAR - PERUBATAN	119,880.00
SARAHIDUP - BANTUAN KEWANGAN BULANAN	8,916,450.00
SARAHIDUP - BANTUAN KEWANGAN BULANAN (PERUBATAN)	2,178,100.00
SARAHIDUP - SUMBANGAN PROGRAM NUR RAMADHAN	900,400.00
SARAHIDUP - HAMPER BARANG DAN BERAS	791,006.37
SARAHIDUP - PERSEDIAAN LOGISTIK DAN TEMPAT	7,500.00
BANTUAN RUMAH-BINA RUMAH- SEMASA	560,846.00
BANTUAN RAWATAN / PEMBEDAHAN-RAWATAN HEMODIALISIS	4,056,189.80
BANTUAN RAWATAN / PEMBEDAHAN-PEMBIAYAAN PEMBEDAHAN	857,895.37
BANTUAN RAWATAN / PEMBEDAHAN-PERUBATAN BULANAN	269,323.00
BANTUAN RAWATAN / PEMBEDAHAN-SKIM FARMASI PANEL	595,304.42
INSTITUSI / SEKOLAH ISTIMEWA ISLAM & TIDAK MAMPU	206,158.75
BAYARAN 30% PEGAWAI MASJID	1,195,080.00
SAGUHATI PANEL TEMUDUGA	13,030.00
SAGUHATI - NAIB KADI TAHUNAN	36,750.00
UNIFORM PENDAFTAR NIKAH & PENOLONG	7,500.00
SAGUHATI PERSARAAN	12,500.00
SAGUHATI PENEMUDUGA PEN PENDAFTAR NIKAH CERAH & RUJU	1,225.00
ANUGERAH PRESTASI CEMERLANG	2,500.00
ELAUN TAMBAHAN GURU TAKMIR	361,500.00

LAMPIRAN B

SKIM/BANTUAN AGIHAN ZAKAT	JUMLAH
IJTIMAK DAN MUZAKARAH	49,797.50
TAFACQUH FIDDIIN PERDANA GURU TAKMIR	25,000.00
PROGRAM PERKADERAN FUQAHA GURU TAKMIR	189,300.00
PROGRAM JAUALAH MERDEKA GURU TAKMIR	15,000.00
SUMBANGAN KPD AKTIVITI KEAGAMAAN - PROGRAM QARYAH / PERTUBUHAN	392,543.00
SUMBANGAN KPD AKTIVITI KEAGAMAAN - SUMBANGAN PROGRAM MOTIVASI	113,325.00
PROG PENGIMARAHAN MASJID DAERAH	84,245.00
PERALATAN DAN BUKU IBADAT UTK SURAU / MASJID / SEKOLAH	397,440.00
PEMBAIKAN KECIL SURAU	278,500.00
PROGRAM JAWATANKUASA DAKWAH DAERAH	70,860.00
PROGRAM STREET DAKWAH	6,000.00
LAWATAN MAHABBAAH	13,792.00
HOSPITAL MESRA IBADAH	48,500.00
MESYUARAT J/KUASA DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN	750.00
IKHTIFAL SANAWI	50,000.00
PROGRAM SEMINAR PEMANTAPAN STAM	20,000.00
KURSUS GURU-GURU DAN PENGASUH TADIKA	15,000.00
PROGRAM KURSUS GURU-GURU SMAI	40,000.00
MAJLIS PENGIKTIRAFAN GURU & PELAJAR SIPP	100,000.00
KURSUS PENGAJARAN & PEMBELAJARAN GURU-GURU SAR	30,000.00
TADIS-ELAUN GURU TADIKA	240,000.00
TADIS- ELAUN PENGASUH	105,000.00
TADIS- KWSP	50,000.00
TADIS- KURSUS GURU-GURU	15,000.00
TADIS- IKHTIFAL	25,000.00
PERMULAAN KE IPT (DLM NEGERI) - SUMBANGAN	2,498,300.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI- DIPLOMA	1,717,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI- IJAZAH	11,763,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - SARJANA	213,500.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - MARKAZ LUGHAAH	180,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - PERUBATAN	280,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - PHD	38,500.00
BANTUAN RUMAH-BAIKPULIH RUMAH	567,190.54
TANDAS OKU	21,778.80

LAMPIRAN B

SKIM/BANTUAN AGIHAN ZAKAT	JUMLAH
SKIM PENDAWAIAN ELEKTRIK RUMAH ASNAF	44,812.41
PENINGKATAN TARAF HIDUP - PEMBIAYAAN PEMBELIAN MOTOSIKAL GRAB	274.00
SYARAHAN PERDANA KEINDAHAN ISLAM	30,000.00
PROGRAM MENGGAPAI 8A UPKK	145,000.00
PROGRAM MAHRAJAN KAFA INTERAKTIF	30,000.00
KURSUS GURU KAFA	75,000.00
BENGKEL MODEL-MODEL KAFA	7,500.00
ELAUN TAMBAHAN GURU KAFA	1,600,000.00
PROGRAM PEMANTAPAN NAZIRAN SIPP	25,000.00
SISTEM ERPH	7,500.00
BENGKEL PEMERKASAAN SIPP	50,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - INDONESIA	42,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - MESIR	870,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - MOROCCO	20,000.00
BANTUAN TAJAAN SISWA/I - JORDAN	449,000.00
BANTUAN RUMAH-PERUMAHAN WAKAF - ELAUN PENGHULU	39,600.00
BANTUAN RUMAH-PERUMAHAN WAKAF - RUMAH PENGHULU - UTILITI	80.30
JAHITAN - TANAH LIAT - SEWA	12,100.00
JAHITAN - TANAH LIAT - UTILITI	242.80
JAHITAN - TANAH LIAT - PENYELENGGARAAN	3,600.00
PERTANIAN - PROJEK NENAS - ELAUN PENYELIA & PESERTA	1,500.00
PERTANIAN - PROJEK NENAS - PENGURUSAN PREMIS/ SEWA	10,500.00
PERTANIAN - PROJEK NENAS - UTILITI	4,987.35
PERTANIAN - PROJEK NENAS - LAIN-LAIN / KEBAJIKAN	4,964.00
PERTANIAN - TANAMAN FERTIGASI - ELAUN PENYELIA & PESERTA	33,620.00
PERTANIAN - TANAMAN FERTIGASI - PENYELENGGARAAN	29,222.00
PERTANIAN - TANAMAN FERTIGASI - LAIN-LAIN / KEBAJIKAN	2,000.00
PERTANIAN - USAHAWAN TANI (BARU) - PENYELENGGARAAN	39,600.00
BANTUAN PAKAIAN SERAGAM - PERSEDIAAN LOGISTIK DAN TEMPAT	40,291.70
KOMPLEKS ASRAMA ANAK MISKIN	1,000,000.00
BANTUAN RUMAH-BINA RUMAH- PENYAMBUNGAN UTILITI / KERJA TAMBAHAN	2,500.00
KURSUS KEUSAHAWANAN - PERSEDIAAN USAHAWAN ASNAF	92,645.80
PINDAHAN KE AKAUN DARUL HIDAYAH	3,286,116.00
SAGUHATI PEGAWAI MASJID DAERAH - IMAM	38,880.00

LAMPIRAN B

SKIM/BANTUAN AGIHAN ZAKAT	JUMLAH
SAGUHATI PEGAWAI MASJID DAERAH - BILAL	16,200.00
SAGUHATI PEGAWAI MASJID DAERAH - SIAK	16,200.00
SUMBANGAN KPD AKTIVITI KEAGAMAAN - SUMBANGAN KEPADA PERTUBUHAN (BAYARAN BALIK ZAKAT)	13,818,162.16
KUR PEMANTAPAN KERJAYA PPPPDR	17,500.00
PROGRAM JKUASA KARIAH & PEGAWAI MASJID	56,326.64
PROGRAM KURSUS IMAM & PENDAKWAH DI MESIR	30,000.00
PROGRAM HAL EHWAL KARIAH	25,000.00
PROGRAM JKHEW	45,110.00
PROGRAM TAHSIN AL QURAN DAN TARANNUM PEGAWAI MASJID	43,266.00
PROGRAM KHIDMAT KELUARGA, SOSIAL DAN KOMUNITI	25,970.00
PROGRAM KHIDMAT NASIHAT / BAITII JANNATI CARE	64,590.00
PROGRAM LAWATAN TYT KE MASJID	15,000.00
PROGRAM JKPNHEK	53,845.20
PEMBIAYAAN PEPERIKSAAN PENGGAL KAFA	75,000.00
PROGRAM KAFA MENENGAH	961,502.00
PROGRAM PEMERKASAAN & PEMANTAPAN GURU SIPP	45,000.00
PROGRAM PENGHAYATAN HARI KEBESARAN ISLAM SIPP	50,000.00
KURSUS GURU TAHFIZ	15,000.00
KURSUS GURU PONDOK	15,000.00
PENGURUSAN PUSAT LATIHAN ZAKAT (PULAZA)	400,000.00
PENGURUSAN RUMAH WARGA EMAS DARUL HANAN	3,008,551.50
SUMBANGAN KEBAJIKAN PELAJAR MESIR	30,000.00
SUMBANGAN TAHUNAN PERSATUAN PELAJAR MESIR	30,000.00
LAWATAN KERJA & KEBAJIKAN PELAJAR LUAR NEGARA	1,650.00
PERBELANJAAN KEBAJIKAN PELAJAR JORDAN	30,000.00
SUMBANGAN TAHUNAN PERSATUAN PELAJAR JORDAN	30,000.00
ASRAMA ANAK MISKIN	1,300,000.00
PROGRAM-PROGRAM JAWATANKUASA MAINPP	197,926.20
ELAUN MESYUARAT JAWATANKUASA KARIAH MASJID	208,000.00
PERSEDIAAN LOGISTIK DAN TEMPAT	27,054.00
JUMLAH KESELURUHAN	117,967,123.24

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

21. Senaraikan peruntukan Kerajaan Negeri kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dari tahun 2022 sehingga kini.
- (a) Senaraikan kegunaan MAINPP untuk peruntukan tersebut.
 - (b) Apakah lagi sumber pendapatan MAINPP dan berapakah perolehan pada tahun-tahun tersebut?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan tahunan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sebanyak RM700,000 setahun pada tahun 2022 dan 2023. Manakala pada tahun 2024 Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan sebanyak RM565,025.00 kepada MAINPP.
- (a) Peruntukan Kerajaan Negeri ini telah diakaunkan di bawah Akaun Amanah Tabung Pembangunan Institusi MAINPP dan digunakan bagi tujuan berikut:
 - (i) Bayaran bekalan dan perkhidmatan, sewaan dan projek yang dilaksanakan di bawah aktiviti Akaun Amanah ini;
 - (ii) Melaksana dan/atau membiayai projek dan aktiviti pembangunan yang diluluskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sebagai badan yang mentadbir hal ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang;

- (iii) Mengeluarkan bantuan, sumbangan atau pemberian secara khusus (mengikut projek yang menerima sumbangan) atau cara-cara lain, termasuk pendahuluan bagi membiayai projek pembangunan berdasarkan peruntukan khusus atau sumbangan umum yang di terima atau mengikut kelulusan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang; dan
 - (iv) Bayaran-bayaran lain yang diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun ini.
- (b) Keseluruhan hasil dan perbelanjaan MAINPP pada tahun-tahun tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

Keseluruhan hasil dan perbelanjaan MAINPP

TAHUN 2022	HASIL Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	BIL.	PERKARA	RM
		1	Kutipan Zakat	150,144,856.00
		2	Wakaf Khas	64,419.00
		3	Sewaan dan Pajakan	5,250,505.00
		4	Hasil Lain sumber AM	8,893,062.00
		5	Hasil Lain Wakaf	3,386.00
		6	Hasil Fi Mahkamah Syariah	41,501.00
		7	Keuntungan Pelaburan	1,933,212.00
		8	Pelbagai Terimaan	440,968.00
		JUMLAH		166,771,909.00
	PERBELANJAAN	1	Agihan Zakat	131,154,673.00
		2	Emolumen	1,957,158.00
		3	Perbelanjaan Pentadbiran dan Operasi	6,520,119.00
		4	Sumbangan, pemberian & Bantuan	44,158,803.00
		5	Susut Nilai	2,048,959.00
		6	Hapus kira, Pelupusan dan Penjejasan Nilai	1,293,665.00
		JUMLAH		187,133,377.00
TAHUN 2023	HASIL Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	BIL.	PERKARA	RM
		1	Kutipan Zakat	159,703,972.00
		2	Yuran dan Sumbangan Wakaf	115,237.00
		3	Sewaan dan Pajakan	5,527,388.00
		4	Hasil Lain Sumber Am	8,357,283.00
		5	Hasil Lain Wakaf	346.00
		6	Hasil Fi Mahkamah Syariah	89,927.00
		7	Keuntungan Pelaburan	2,842,526.00
		8	Pelbagai Terimaan	281,103.00
		JUMLAH		176,917,782.00

Keseluruhan hasil dan perbelanjaan MAINPP

	PERBELANJAAN	1	Agihan Zakat	152,266,260.00
		2	Emolumen	2,013,848.00
		3	Perbelanjaan Pentadbiran & Operasi	9,241,203.00
		4	Sumbangan, Pemberian & Bantuan	2,959,341.00
		5	Susut Nilai	2,053,169.00
		6	Hapus kira, Rosot nilai dan Pelupusan	1,984,707.00
		JUMLAH		170,518,528.00
TAHUN 2024	HASIL Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	BIL.	PERKARA	RM
		1	Kutipan Zakat	108,581,790.00
		2	Yuran dan Sumbangan Wakaf	201,898.00
		3	Sewaan dan Pajakan	4,657,359.00
		4	Hasil Lain Sumber Am	7,381,402.00
		5	Hasil Fi Mahkamah Syariah	13,700.00
		6	Keuntungan Pelaburan	1,091,934.00
		7	Pelbagai Terimaan	2,818.00
		JUMLAH		121,930,901.00
	PERBELANJAAN	1	Agihan Zakat	112,449,162.00
		2	Emolumen	1,467,595.00
		3	Perbelanjaan Pentadbiran & Operasi	4,229,173.00
		4	Sumbangan, Pemberian & Bantuan	2,173,956.00
		JUMLAH		120,319,886.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

22. Senaraikan laporan jalan tidak ikut piawaian dari tahun 2020 hingga 2024.
- (a) Berapakah kos dikeluarkan untuk jalan-jalan tersebut?
 - (b) Senaraikan kontraktor-kontraktor yang terlibat dengan masalah ini.
 - (c) Apakah tindakan kerajaan kepada kontraktor yang tidak ikut piawaian?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Semua jalan di bawah penyelenggaraan Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan dalam Spesifikasi Piawaian Kerja Jalan (*Standard Specification for Road Works*) Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.
- a) Tiada sebarang kos dikeluarkan bagi jalan-jalan yang tidak mengikut piawaian.
 - b) Tiada kontraktor yang terlibat dengan pembinaan jalan yang tidak mengikut piawaian.
 - c) JKRPP mempunyai tatacara pengurusan ke atas kerja yang tidak mengikut piawaian iaitu dengan mengeluarkan notis *Non-Conformance Product* (NCP) kepada kontraktor yang terlibat. Tindakan yang diambil oleh JKRPP adalah bergantung kepada jenis pelanggaran, tahap pelanggaran dan rekod prestasi kontraktor tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

23. Apakah definisi anak luar nikah dan tak sah taraf mengikut Kerajaan Negeri?
- (a) Senaraikan bilangan anak luar nikah dan tak sah taraf dari tahun 2020 sehingga kini.
 - (b) Apakah usaha kerajaan dalam membasmi masalah ini?.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada 30 September 2005 telah membincangkan mengenai perkara tersebut dan memutuskan bahawa Anak Tak Sah Taraf adalah:
- (i) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan; dan
 - (ii) Anak dilahirkan kurang dari enam bulan dua lahzah (saat) mengikut takwim qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).
- (a) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah merekodkan sebanyak 44,263 kes kehamilan remaja di negara ini dalam tempoh lima tahun yang lepas. Daripada jumlah itu seramai 17,646 remaja tidak berkahwin ketika hamil. Kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mengenai pengetahuan remaja berkaitan pencegahan

kehamilan mendapati bahawa hanya 30 peratus daripada golongan ini cakna mengenai cara mencegah daripada mengadakan hubungan seks sebelum nikah.

- (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) sentiasa komited dalam memastikan pembangunan institusi keluarga di Pulau Pinang dalam keadaan yang baik. Oleh itu, bagi mengekang penularan isu ini, jabatan ini sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan melalui pelaksanaan program-program pencegahan, pra-perkahwinan, khidmat nasihat dan kaunseling kekeluargaan dan sebagainya.

Selain itu, institusi-institusi keagamaan lain turut memberi kesedaran kepada komuniti masing-masing mengenai amalan nilai-nilai moral dan sahsiah yang baik mengikut agama masing-masing. Antara usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk membasmi masalah ini adalah seperti berikut:

- (i) **Kepentingan peranan ibu bapa** - Ibu bapa perlu lebih proaktif dan prihatin akan isu pembuangan bayi. Ibu bapa perlu bersikap terbuka dan mudah didekati oleh anak-anak walaupun mereka bertanya soalan intim. Pendidikan seks harus bermula dari rumah sejak kecil dengan penekanan sama untuk anak lelaki dan perempuan. Ibu bapa perlu menggalakkan anak-anak membincangkan isu dan mengesahkan fakta yang dijumpai dalam talian. Selain itu, ibu bapa perlu mengenali rakan-rakan anak mereka dan mengawasi sebarang petanda masalah;
- (ii) **Kesedaran mengenai alat pencegah kehamilan** - Alat pencegah kehamilan harus disediakan kepada remaja yang dikenal pasti aktif secara seksual. Walaupun pendidikan tentang seks selamat harus diutamakan dalam pendekatan ini, alat pencegah kehamilan harus disediakan tanpa menghukum; dan
- (iii) **Pendidikan seks yang menyeluruh** - Pendidikan seks yang sepadan dengan umur dan menyeluruh harus digariskan dan diperkenalkan di sekolah di seluruh negara. Pendidikan seks menyeluruh terbukti akan melambatkan permulaan hubungan seks dan mengurangkan kelakuan seksual berisiko. Sukatan sekarang ini tidak lengkap dan

kekurangan maklumat penting berkenaan alat pencegah kehamilan. Usaha kerajaan melalui pelbagai modul seperti Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Modul Cakna Diri oleh LPPKN sangat baik dan perlu terus dimurnikan supaya ia dapat disampaikan secara berkesan. Apa sahaja modul atau dasar yang mahu diadaptasi perlulah diteliti kandungannya dan bagaimana ia disampaikan supaya sesuai dengan Perlembagaan Persekutuan iaitu Islam sebagai agama persekutuan dan juga sosio-budaya masyarakat.

Semua pihak perlulah bekerjasama bersama-sama kerajaan bagi membasmi masalah ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

24. Senaraikan bilangan bantuan ke Institusi Pengajian Tinggi dari tahun 2022 sehingga kini mengikut DUN dan jumlah yang diberikan kepada setiap DUN.
- (a) Senaraikan agensi-agensi terlibat dalam pemberian bantuan ini.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Bilangan bantuan ke Institusi Pengajian Tinggi dari tahun 2022 sehingga kini mengikut DUN adalah seperti di **LAMPIRAN A**
- (a) Agensi-agensi terlibat dalam pemberian bantuan ini adalah seperti berikut:
- (i) Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUKPP) mengurus Bantuan Pendaftaran Pelajar ke Institut Pengajian Tinggi (iBITA) Negeri Pulau Pinang; dan
 - (ii) Zakat Pulau Pinang (ZPP), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) mengurus Skim Dermasiswa Pengajian Tinggi Zakat Pulau Pinang.

BANTUAN PENDAFTARAN PELAJAR KE INSTITUT PENGAJIAN TNIGGI (iBITA) NEGERI PULAU PINANG

BIL.	DUN	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
		2022		2023		2024	
1	AIR ITAM	29	27,100.00	59	57,100.00	8	5,900.00
2	AIR PUTEH	5	5,000.00	20	20,000.00	3	3,000.00
3	BAGAN DALAM	24	22,600.00	40	38,100.00	12	9,900.00
4	BAGAN JERMAL	48	46,600.00	62	60,800.00	20	15,100.00
5	BATU LANCHANG	29	28,000.00	53	51,700.00	7	4,900.00
6	BATU MAUNG	30	25,800.00	123	117,100.00	24	22,600.00
7	BATU UBAN	35	32,900.00	70	64,700.00	11	10,300.00
8	BAYAN LEPAS	32	26,600.00	134	120,800.00	29	22,700.00
9	BERAPIT	30	29,300.00	46	45,700.00	12	12,000.00
10	BERTAM	60	53,000.00	94	86,700.00	30	25,800.00
11	BUKIT TAMBUN	52	51,500.00	84	83,200.00	15	12,200.00
12	BUKIT TENGAH	65	64,800.00	67	64,600.00	18	13,800.00
13	DATOK KERAMAT	41	39,300.00	54	51,600.00	10	8,600.00
14	JAWI	45	43,800.00	87	80,400.00	16	14,800.00
15	KEBUN BUNGA	22	22,200.00	18	17,300.00	2	2,000.00
16	KOMTAR	16	16,000.00	22	21,900.00	8	7,300.00
17	MACHANG BUBUK	87	83,000.00	119	115,800.00	28	21,700.00
18	PADANG KOTA	16	16,000.00	17	16,500.00	2	2,000.00
19	PADANG LALANG	53	52,000.00	51	50,000.00	11	8,900.00
20	PANTAI JEREJAK	9	9,000.00	65	63,300.00	14	8,600.00
21	PAYA TERUBONG	58	58,500.00	86	84,300.00	15	13,600.00
22	PENAGA	102	90,800.00	106	98,300.00	40	31,600.00
23	PENANTI	79	75,000.00	95	90,500.00	36	25,500.00
24	PENGKALAN KOTA	16	15,300.00	33	32,700.00	7	7,000.00
25	PERAI	21	19,800.00	32	30,800.00	10	7,900.00
26	PERMATANG BERANGAN	81	79,500.00	112	101,000.00	28	23,800.00
27	PERMATANG PASIR	76	73,400.00	111	105,300.00	27	18,600.00
28	PINANG TUNGGAL	87	79,500.00	108	100,700.00	26	19,000.00
29	PULAU BETONG	35	31,500.00	69	63,600.00	16	10,400.00
30	PULAU TIKUS	12	12,000.00	14	14,000.00	6	6,000.00
31	SEBERANG JAYA	115	108,200.00	121	108,100.00	36	29,000.00
32	SERI DELIMA	22	22,200.00	52	46,400.00	15	14,300.00
33	SUNGAI ACHEH	47	44,200.00	93	86,600.00	12	9,200.00
34	SUNGAI BAKAP	75	67,700.00	114	109,300.00	28	19,100.00
35	SUNGAI DUA	77	74,200.00	121	112,000.00	32	23,600.00
36	SUNGAI PINANG	61	59,800.00	80	71,100.00	23	18,100.00
37	SUNGAI PUYU	55	51,900.00	81	78,100.00	11	10,500.00
38	TANJONG BUNGA	21	20,300.00	33	31,600.00	11	8,900.00
39	TELOK AYER TAWAR	52	45,000.00	68	65,200.00	14	10,500.00
40	TELOK BAHANG	21	20,300.00	81	79,800.00	15	10,800.00
41	LUAR PULAU PINANG	68	63,800.00	102	90,600.00	53	41,800.00
JUMLAH		1909	1,807,400.00	2997	2,827,300.00	741	591,300.00

**BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN DERMASISWA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG
DATA PENERIMA SKIM DERMASISWA PENGAJIAN
2022 HINGGA OKTOBER 2024**

Kod Dun	Dun	2022		2023		2024	
		Jumlah	Bil	Jumlah	Bil	Jumlah	Bil
N01	PENAGA	763,000.00	209	1,038,000.00	273	951,500.00	255
N02	BERTAM	754,500.00	182	911,500.00	239	818,500.00	220
N03	PINANG TUNGGAL	959,000.00	230	1,227,000.00	319	1,333,000.00	359
N04	PERMATANG BERANGAN	784,500.00	202	1,199,000.00	315	1,169,000.00	332
N05	SUNGAI DUA	535,500.00	141	803,000.00	213	817,500.00	226
N06	TELOK AYER TAWAR	330,000.00	94	534,000.00	147	476,500.00	132
N07	SUNGAI PUYU	74,000.00	22	129,000.00	37	122,000.00	35
N08	BAGAN JERMAL	35,000.00	10	95,000.00	28	104,500.00	31
N09	BAGAN DALAM	46,000.00	14	58,000.00	18	82,500.00	25
N10	SEBERANG JAYA	733,500.00	183	863,000.00	232	792,500.00	220
N11	PERMATANG PASIR	636,500.00	164	853,000.00	237	829,000.00	242
N12	PENANTI	423,000.00	115	641,000.00	177	661,000.00	188
N13	BERAPIT	0.00	0	6,000.00	2	6,000.00	2
N14	MACHANG BUBOK	481,000.00	127	673,500.00	178	614,500.00	170
N15	PADANG LALANG	106,500.00	31	230,000.00	58	188,500.00	49
N16	PERAI	83,000.00	20	124,500.00	31	116,500.00	30
N17	BUKIT TENGAH	180,000.00	52	320,000.00	94	340,000.00	103
N18	BUKIT TAMBUN	219,500.00	58	312,500.00	90	307,500.00	86
N19	JAWI	268,500.00	71	534,000.00	130	601,000.00	153
N20	SUNGAI BAKAP	444,500.00	115	679,000.00	193	699,500.00	205
N21	SUNGAI ACHEH	197,500.00	58	282,000.00	77	303,500.00	88
N22	TANJONG BUNGA	104,000.00	31	104,500.00	31	125,000.00	38
N23	AIR PUTIH	64,000.00	19	109,500.00	27	96,500.00	25
N25	PULAU TIKUS	10,500.00	3	6,000.00	2	8,500.00	3
N26	PADANG KOTA	44,500.00	8	57,500.00	11	67,000.00	14
N27	PENGKALAN KOTA	0.00	0	7,000.00	2	7,000.00	2
N28	KOMTAR	62,000.00	18	87,500.00	25	118,500.00	35
N29	DATOK KERAMAT	155,000.00	39	159,000.00	40	117,500.00	34
N30	SUNGAI PINANG	401,500.00	93	544,000.00	134	502,000.00	133
N32	SERI DELIMA	99,500.00	29	176,500.00	53	213,000.00	64
N33	AIR ITAM	175,500.00	47	218,000.00	58	209,000.00	62
N34	PAYA TERUBONG	7,000.00	2	0.00	0	10,500.00	3
N35	BATU UBAN	156,500.00	43	204,500.00	57	245,000.00	68
N36	PANTAI JEREJAK	142,500.00	42	255,500.00	70	276,500.00	80
N37	BATU MAUNG	231,500.00	69	461,500.00	130	489,500.00	143
N38	BAYAN LEPAS	528,500.00	148	818,000.00	233	876,000.00	249
N39	PULAU BETONG	310,000.00	86	461,000.00	127	448,500.00	124
N40	TELOK BAHANG	216,500.00	54	296,500.00	78	291,500.00	81
ZZ	LUAR PULAU PINANG	61,000.00	13	104,000.00	28	138,000.00	34
Jumlah Besar		10,825,000.00	2842	15,583,500.00	4194	15,574,000.00	4343

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

25. Berapakah harga sewa tanah atau harga pajakan tanah yang dikenakan kepada pengusaha Kebun Durian?
- (a) Senaraikan tanah bukit yang boleh disewa atau dipajak kepada orang awam.
 - (b) Senaraikan cara untuk memohon sewa atau pajak tanah tersebut.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Terdapat dua (2) jenis permohonan tanah yang melibatkan bayaran sewa tanah dan pajakan tanah. Jenis permohonan tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (sewa); dan
 - (ii) Permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan (pajakan 30, 60 atau 99 tahun).

Kedua-dua permohonan ini perlu mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu sebelum kadar harga sewaan tanah yang dikenakan kepada pengusaha Kebun Durian ditetapkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA). Kadar bayaran yang telah dipersetujui adalah seperti jadual berikut:

LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS)	PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN
Kegunaan tanah: Pertanian (Buah-buahan) RM300.00 setahun	Mengikut nilai pasaran Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta (JPPH) berpandukan keluasan tanah yang dan tempoh pajakan yang dipilih oleh pemohon. Kegunaan tanah: Pertanian (Buah-buahan) Premium – 100% daripada nilai pasaran tanah

Kawasan tanah bukit yang telah dikeluarkan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di Daerah Seberang Perai Tengah adalah Bukit Langkap. Pemegang LPS telah menggunakan kawasan tersebut untuk tanaman pokok buah durian dan buah-buahan yang lain. Bagi Daerah Barat Daya, senarai tanah bukit yang boleh disewa kepada orang awam adalah seperti berikut:

- (i) Lot 163, Mukim 5; dan
- (ii) Bersebelahan Lot 388, Mukim 5.

Manakala tiada tanah bukit yang boleh disewakan atau dipajak untuk kebun durian di Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Seberang Perai Selatan.

- (a) Terdapat dua (2) kaedah bagi permohonan sewa atau pajak bagi tanah-tanah tersebut seperti berikut:
 - (i) Pemohonan Lesen Pendudukan Sementara (mengikut Seksyen 65 Kanun Tanah Negara); dan
 - (ii) Permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan (mengikut Seksyen 76 Kanun Tanah Negara).

Pemohon perlulah hadir ke Pejabat Daerah dan Tanah mengikut daerah masing-masing dan mengambil senarai semak (*checlist*) bagi tujuan permohonan tersebut.

Bagi Daerah Barat Daya, hanya permohonan sewaan tanah Kerajaan sahaja yang dibenarkan kepada pengusaha kebun durian. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (PDTDBD) akan mengiklankan tawaran sebut harga dan pemohon perlu membeli borang sebut harga bagi sebut harga yang diiklankan. Seterusnya, pemohon perlu mengisi dan mengemukakan borang yang telah lengkap diisi dengan semua dokumen sokongan yang dinyatakan dalam senarai semak (senarai ini disertakan sekali bersama borang yang dibeli) kepada DOA untuk diproses dan diluluskan. Sewaan yang diluluskan adalah bagi tempoh tiga (3) tahun sahaja.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

26. Senaraikan perkembangan terkini projek-projek *Penang Transport Master Plan* (PTMP).
- (a) Senaraikan masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek-projek ini.
 - (b) Sejauh manakah ia berkesan hadapi kesesakan memandangkan sekarang masih sesak?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Perkembangan terkini projek-projek komponen *Penang Transport Master Plan* (PTMP) yang akan/sedang dilaksana adalah:
- (i) **LRT Laluan Mutiara** kini telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan MRT Corporation, sebuah syarikat milik *Minister of Finance Incorporated*, sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses rundingan peringkat akhir dengan SRS Consortium berkenaan kontrak *Civil Main Contractor 1* (CMC1) untuk pembinaan Fasa 1 Laluan Mutiara iaitu daripada Komtar ke *Silicon Island*. Tarikh bermula pembinaan tertakluk kepada pemuktamadan rundingan tersebut.
 - (ii) Pembinaan **PIL2A** yang menghubungkan Batu Maung dengan *Silicon Island* kini di fasa pengambilan balik tanah;
 - (iii) **Jalan Pintasan Ayer Itam – Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu** (juga dikenali sebagai **Pakej 2** dalam projek jalan-jalan utama dan laluan ke-3) kini dalam fasa pembinaan dengan

kemajuan kerja sebanyak 61% yang dijangka siap pada Oktober 2026.

PTMP menggariskan perkara-perkara strategik yang perlu dikaji dan diperincikan mengikut fasa pelaksanaan yang akan ditentukan kelak. Kajian tersebut akan mengambil kira perubahan semasa dari segi keperluan dan juga teknologi terkini sewaktu tempoh pelaksanaan nanti. Justeru, komponen-komponen yang lain masih dalam tahap cadangan dan tertakluk kepada kajian semula serta kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan kelak.

- (a) Masalah kewangan menjadi cabaran utama bagi Kerajaan Negeri untuk melaksanakan komponen-komponen PTMP lain sekiranya tidak mendapat sokongan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga perlu mengambil kira isu-isu berbangkit semasa proses pengambilan balik tanah yang dijalankan, cabaran bagi mendapatkan kelulusan-kelulusan wajib yang berkaitan, kawalan bagi meminimumkan kesan kepada alam sekitar dan sosial, bantahan terhadap projek oleh pihak parti politik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), dan cabaran lain yang tidak diduga.
- (b) Kerajaan Negeri yakin bahawa dengan adanya sistem LRT Laluan Mutiara, masalah kesesakan lalu lintas di negeri ini akan dapat dikurangkan. Sistem LRT ini telah mendapatkan sokongan lebih 97% penduduk Pulau Pinang dan maklumbalas daripada pelawat yang disoal selidik semasa sesi Pemeriksaan Awam. Oleh itu, sistem LRT Laluan Mutiara ini akan menarik minat orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam yang dihubungkan sehingga ke Penang Sentral di Butterworth sebagai satu (1) alternatif pengangkutan yang baik. Cadangan jajaran LRT secara *elevated* tidak akan terganggu sekiranya berlaku kejadian banjir kilat dan kemalangan di jalan raya. Maka, apabila penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam meningkat, jumlah kenderaan persendirian akan berkurangan di jalan raya lalu dapat mengurangkan masalah kesesakan jalan raya. Untuk menjayakan projek LRT ini, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pihak MRTCL untuk mempromosikan perkhidmatan LRT Laluan Mutiara ini bagi memastikan rakyat

Pulau Pinang menggunakan LRT dan bas perantara, iaitu sistem *feeder* yang menyokong perkhidmatan LRT.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

27. Senaraikan kadar kelahiran di Pulau Pinang mengikut kaum dan jantina dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Senaraikan bilangan penerima Program Anak Emas dan jumlah yang disalurkan pada tahun ini.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Jumlah kadar kelahiran di Pulau Pinang mengikut kaum dan jantina dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Anak Emas pada bulan Jun 2011 dengan bayaran bantuan secara *one-off* berjumlah RM200.00 kepada bayi yang berumur dua (2) tahun ke bawah dengan syarat salah seorang ibu atau bapa kepada bayi mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai pengundi di Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2024, penambahbaikan telah dilaksanakan terhadap program ini dengan penyaluran RM100.00 ke akaun SSPN Prime PTPTN dan RM100.00 ke akaun ibu atau bapa anak tersebut. Bagi tahun 2024 (setakat bulan September), sejumlah RM643,400.00 telah disalurkan kepada seramai 3,217 penerima Program Anak Emas.

Jumlah/Total								
Negeri State	Tahun Year	Kumpulan etnik/Ethnic group						
		Jumlah Total	Bumiputera			Cina Chinese	India Indians	Lain-lain ¹ Others ¹
			Jumlah Total	Melayu Malay	Bumiputera Lain Other Bumiputera			
Pulau Pinang	2020	19,610	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a
Pulau Pinang	2021	18,571	11,673	11,583	90	4,436	1,534	928
Pulau Pinang	2022	17,731	11,351	11,253	98	3,931	1,474	975
Pulau Pinang	2023	19,579	12,062	11,957	105	4,217	1,604	1,696

¹Termasuk bukan warganegara Malaysia
Includes non-Malaysian citizens

Nota: Sumber data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual: Kelahiran hidup mengikut negeri, kumpulan etnik dan jantina, Malaysia, 2020 - 2023 (Samb.)
Table: Live births by state, ethnic group and sex, Malaysia, 2020 - 2023 (Cont'd)

LAMPIRAN A

Lelaki/Male								
Negeri State	Tahun Year	Kumpulan etnik/Ethnic group						
		Jumlah Total	Bumiputera			Cina Chinese	India Indians	Lain-lain ¹ Others ¹
			Jumlah Total	Melayu Malay	Bumiputera Lain Other Bumiputera			
Pulau Pinang	2020	10,173	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a
Pulau Pinang	2021	9,510	6,006	5,957	49	2,251	758	495
Pulau Pinang	2022	9,069	5,854	5,800	54	1,973	734	508
Pulau Pinang	2023	10,162	6,297	6,241	56	2,201	806	858

¹Termasuk bukan warganegara Malaysia
Includes non-Malaysian citizens

Nota: Sumber data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual: Kelahiran hidup mengikut negeri, kumpulan etnik dan jantina, Malaysia, 2020 - 2023 (Samb.)
Table: Live births by state, ethnic group and sex, Malaysia, 2020 - 2023 (Cont'd)

LAMPIRAN A

Perempuan/Female								
Negeri State	Tahun Year	Kumpulan etnik/Ethnic group						
		Jumlah Total	Bumiputera			Cina Chinese	India Indians	Lain-lain ¹ Others ¹
			Jumlah Total	Melayu Malay	Bumiputera Lain Other Bumiputera			
Pulau Pinang	2020	9,437	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a
Pulau Pinang	2021	9,061	5,667	5,626	41	2,185	776	433
Pulau Pinang	2022	8,662	5,497	5,453	44	1,958	740	467
Pulau Pinang	2023	9,417	5,765	5,716	49	2,016	798	838

¹Termasuk bukan warganegara Malaysia
Includes non-Malaysian citizens

Nota: Sumber data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

28. Apakah usaha kerajaan dalam memperbaiki jalan kampung, jalan ladang atau mini tar di sekitar Penaga?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) sentiasa berusaha memastikan projek penyelenggaraan dan pembinaan infrastruktur jalan kampung di seluruh daerah termasuk juga sekitar Penaga dijalankan setiap tahun menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) dan Projek Khas Ekonomi (PKE). Selain daripada pelaksanaan projek Pembangunan di bawah PDTSPU, terdapat juga agensi pelaksana yang lain seperti Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PPNPP) dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang turut membantu dalam menaik taraf jalan-jalan kampung demi kesejahteraan rakyat Pulau Pinang.

Bilangan projek jalan di bawah peruntukan Pembangunan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2023 dan 2024 bagi jalan kampung disekitar Penaga yang telah selesai dan dalam pelaksanaan PDTSPU adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS PERUNTUKAN	TAHUN	BILANGAN PROJEK	(RM)
1	MARRIS	2023	4	146,853.50
		2024	11	621,594.90

2	Projek Khas Ekonomi	2023	-	-
		2024	1	96,910.00
JUMLAH			16	865,358.40

Kerajaan Negeri melalui PDTSPU juga turut memastikan pelaksanaan projek pembaikan/naik taraf jalan oleh kontraktor yang dilantik memenuhi kriteria dan spesifikasi yang ditetapkan termasuk pengukuhan tebing jalan yang dibina/dibaiki selain melaksanakan pemantauan secara berkala terhadap projek-projek yang dijalankan ini dan mengharapkan kerjasama komuniti dalam pemeliharaan jalan-jalan yang dinaik taraf ini.

Manakala, penyelenggaraan jalan ladang dilaksanakan oleh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang (IADA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk memberikan kemudahan laluan jentera pertanian dan pesawah untuk menjalankan aktiviti sawah menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dibawah bidang Jalan Ladang daripada Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Bagi kawasan Penaga, kerja penyelenggaraan Jalan Ladang telah dilaksanakan di kawasan Blok Pengairan M1, M2, M3A dan M3B melalui IADA melibatkan peruntukan sebanyak RM364,009.00 bagi tahun 2024.

Tambahan daripada itu, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) juga telah memperuntukkan sebanyak RM 550,000.00 bagi melaksanakan 11 projek Jalan Perhubungan Desa di sekitar KADUN Penaga pada tahun 2023.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXII)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

29. Senaraikan projek-projek terkini tebatan banjir di Pulau Pinang mengikut daerah, status, kos dan sumber kewangan projek tersebut.
- (a) Bagaimanakah kerajaan hendak menyelesaikan masalah banjir dengan pemesanan projek-projek perumahan yang sedang dibina?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Senarai projek-projek terkini tebatan banjir di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Tindakan yang dilaksanakan Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan untuk memastikan setiap pembangunan baharu adalah terancang dan tidak berisiko untuk mengalami banjir adalah seperti berikut:
- (i) Mengawal Permohonan Kebenaran Merancang dengan mengenakan syarat kepada pemaju untuk menaik taraf parit utama yang berada di sekeliling kawasan pembangunan berdasarkan kepada Pelan Induk *The Study on Flood Mitigation and Drainage in Penang Island* yang telah digariskan oleh *Japan International Cooperation Agency* (JICA) bagi pembangunan di kawasan George Town;

- (ii) Mensyaratkan kepada pemaju untuk menyediakan sistem perparitan yang efisien serta kolam takungan banjir yang dapat mengawal kadar isipadu air di kawasan pembangunan baharu sebelum ke titik curahan terakhir;
- (iii) Mensyaratkan kepada pemaju untuk menyediakan parit jiran di kawasan sekitar pembangunan baharu dengan memastikan pengaliran air yang efisien ke dalam sistem saliran utama;
- (iv) Mensyaratkan kepada pemaju untuk melaksanakan kajian hidraulik yang terperinci untuk menentukan kapasiti dan saiz parit serta kolam. Hasil kajian akan dimasukkan dalam pelan jalan dan parit;
- (v) Mewajibkan semua pembangunan baharu untuk mematuhi beberapa garis panduan seperti Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam Edisi ke-2 (MSMA), *Malaysian Standard for Urban Storm Water Mangement* MS2526 (keluaran SIRIM), Garis Panduan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS): Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rezab Sungai, Garis Panduan Konsep Pembangunan Berhadapan Sungai, pematuhan kepada kelulusan Pelan Kawalan Hakisan Tanah dan Sedimentasi (ESCP), Garis Panduan JPS 1/97: Kawalan Hakisan Berikutan Dari Pembangunan Di Kawasan Pantai termasuk arahan-arahan semasa yang dikeluarkan melalui Pekeliling-pekeliling JPS;
- (vi) Menggunakan Laporan Kajian Induk Tebatan Banjir dan Saliran Mesra Alam sebagai bahan rujukan bagi sebarang pembangunan yang melibatkan sistem saliran;
- (vii) Melaksanakan projek-projek mitigasi banjir dan menaik taraf sistem saliran; dan
- (viii) Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sistem saliran melibatkan kerja-kerja pembaikan struktur dan pembersihan sampah.

LAMPIRAN A

JADUAL 1: SENARAI PROJEK TEBATAN BANJIR MENGIKUT DAERAH DI PULAU PINANG

BIL	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS		CATATAN
				KEMAJUAN JADUAL (%)	KEMAJUAN SEBENAR (%)	
DAERAH TIMUR LAUT						
1	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang	114,807,400.00	Peruntukan Persekutuan	11.00%	9.99%	Dalam peringkat pembinaan
2	Projek Tebatan Banjir di Solok Van Praagh	5,718,000.00	Peruntukan Pembangunan Negeri (P08)	85% (Berdasarkan EOT 1)	75% (Berdasarkan EOT 1)	Dalam peringkat pembinaan di tapak EOT 1 : 10/12/2024
3	Tender Semula Projek Tebatan Banjir Parit Monsun di Kampung Pokok Asam	4,250,550.00	Peruntukan Caruman Saliran	11.00%	11.00%	Dalam peringkat pembinaan di tapak
DAERAH BARAT DAYA						
4	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Kumbar	7,963,210.00	Peruntukan Persekutuan	100.00%	100.00%	
5	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Pondok Upeh / Sungai Burong	5,008,012.00	Peruntukan Persekutuan	15.19%	10.32%	Dalam peringkat pembinaan di tapak.

6	Projek Tebatan Banjir Sungai Nipah di Taman Iping	15,259,545.84	Peruntukan Negeri (HIP)	100.00%	100.00%	
7	Projek Tebatan Banjir Bayan Baru	19,138,208.22	Peruntukan Negeri (HIP)	100.00%	100.00%	
8	Projek Tebatan Banjir Sungai Tiram di Kampung Naran	10,099,825.07	Peruntukan Pembangunan Negeri (HIP)	100.00%	100.00%	
DAERAH SEBERANG PERAI UTARA						
9	Projek Tebatan Banjir Kawasan Mak Mandin	43,576,453.74	Peruntukan Negeri (HIP)	100.00%	100.00%	
DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH						
10	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Taman Siakap	15,405,248.00	Peruntukan Persekutuan	63.00%	64.00%	Dalam peringkat pembinaan di tapak
11	Projek Tebatan Banjir Sungai Permatang Rawa di CH 3000 sehingga CH 4300	15,948,218.60	Peruntukan Negeri (HIP)	70% (Berdasarkan EOT 1)	60% (Berdasarkan EOT 1)	Dalam peringkat pembinaan di tapak EOT 1 : 5/9/2025
12	Projek Tebatan Banjir Parit 4 di Bukit Tengah, Taman Desa Damai	15,611,283.10	Peruntukan Negeri (HIP)	100.00%	100.00%	
13	Projek Tebatan Banjir Parit 5 di Taman Mangga dan Jalan Juru	14,320,096.01	Peruntukan Negeri (HIP)	100.00%	100.00%	

14	Projek Tebatan Banjir Membina Kolam Takungan Banjir di Alma	7,231,726.50	Peruntukan Negeri (HIP)	100.00%	100.00%	
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN						
15	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Jawi	90,540,454.40	Peruntukan Persekutuan	4.56%	4.86%	Dalam peringkat kajian reka bentuk terperinci
16	Projek Tebatan Banjir di Kawasan Sanglang (Fasa 1)	10,822,207.94	Peruntukan Pembangunan Negeri (P08)	1.00%	2.00%	Dalam peringkat pembinaan di tapak